

Oleh Akmal Abdullah
akmel@bharian.com.my

Khamis ini, iaitu pada 15 Jun ini bererti sudah 41 tahun seniman Nordin Ahmad meninggal dunia. Pemergiannya juga wajar dikenang kerana jasa dan bakti seniman ini terhadap zaman kegemilangan filem Melayu suatu waktu dulu adalah sesuatu yang wajar dibangga dan dicontohi, apatah lagi kehebatannya dalam dunia lakonan cukup menyerlah dengan gaya tersendiri.

Seniman besar ini mungkin sudah dilupakan daripada ingatan ramai peminat filem Melayu, malah mungkin tidak keterlaluan dikatakan generasi muda sekarang langsung tidak kenal siapa seniman ini. Harus diakui, kisah dan paparan mengenai peribadi dan sisi kerjaya Allahyarham tidak banyak dipaparkan dalam media massa kerana seniman ini bukanlah popular atau hebat. Seniman Agung Tan Sri P Ramlee atau beberapa seniman besar lain yang dikenali ramai termasuk generasi muda.

Namun, sejarah perfilman Malaysia sudah merakamkan seniman ini adalah antara pelakon filem Melayu yang cukup hebat dan menjadi rujukan dalam kajian di universiti. Allahyarham meninggal dunia di Hospital Besar Singapura dalam usia muda, 39 tahun pada 15 Jun 1971 akibat penyakit demam kuning.

Nordin adalah antara bintang filem Melayu klasik yang menjadi sanjungan

nya dalam filem terbitan Cathay Keris dan Malay Film Productions atau Studio Jalan Ampas di Singapura. Kehebatannya sebagai pelakon dihargai dan dikenang apabila FINAS turut memberi penghormatan mengabadikan namanya bersama lapan tokoh perfileman lain pada 2001 di Layar Bintang dalam Kompleks Studio Merdeka, iaitu monumen khas di lokasi ibu pejabat FINAS di Hulu Kelang, Selangor.

Aktor hebat ini unik kerana gaya penampilannya dalam lakonan cukup memikat - serius, meyakinkan, suaranya lambang karisma seorang pria dan wajah kacaknya berimejkan lelaki Melayu jati.

Selain P Ramlee, pengarah B N Rao, K M Basker, Hussain Haniff, M Amin dan Salleh Ghani menjadi orang penting dalam meletakkan nama Nordin sebagai pelakon berkaliber seperti mana kita melihat aksi dan gaya Nordin untuk watak utama dalam *Hang Jebat*, *Sri Mersing*, *Sultan Mahmud Mangkat Dijulang*, *Laila Majnun*, *Cucu Datuk Merah*, *Dang Anum*, *Tun Fatimah*, *Ikan Emas*, *Tajul Asyikin* dan *Patung Cendana*.

Paling menyerlah lakonannya yang menjadi kenangan sepanjang zaman ialah watak Damak dalam filem *Sri Mersing* terbitan 1961 menerusi arahan Salleh Ghani. Dalam filem itu, dialog keramat diucapkannya dalam nada cukup menarik secara berpantun apabila tiba babak konflik antara watak Damak dengan watak Pak Malau (lakonan Shariff Medan) iaitu: "Kajang

Nordin Ahmad bersama isterinya, Salmah Ibrahim.



masyarakat pada zaman-nya terutama kemunculan-

Pak Malau kajang berlipat, kajang hamba mengkuang

Nordin Ahmad

pergi dalam usia muda



Aksi bertarung dengan M Amin dalam filem Hang Jebat.



Bersama seniwati Saadia dalam filem Semerah Padi.



Satu babak bersama P Ramlee dalam Semerah Padi.

layu, dagang Pak Malau dagang bertempat, dagang saya musafir lalu..."

Satu lagi dialog menarik terselrah apabila Nordin membawa peranan utama menerusi filem *Semerah Padi*, arahan P Ramlee pada 1956 menerusi watak Taruna, apabila mengucap dialog 'menyentap' terhadap watak Aduka (lakonan P Ramlee). Ia berlaku ketika babak Taruna sanggup menyuruh Aduka lari menyelamatkan diri sekalipun sahabat baiknya itu mengakui sudah terlanjur dengan tunangnya. Taruna dalam nada menahan sabar berkata: "Aduka... kalau Dara yang kau inginkan, aku sanggup memberinya kerana sayang aku padamu lebih daripada Dara. Larilah kawan, biar busuk daging kumamah asalkan kau terhindar cemar..."

Nordin anak kelahiran Kampung Permatang Tengah, Bukit Mertajam, Seberang Perai, Pulau Pinang, pada 1932. Walaupun sekadar bersekolah Darjah 4 di Sekolah Melayu, namun dia mula mengutip pengalaman awal lakonan menerusi pentas bangsawan sebagai pelakon tambahan. Ketika zaman remajanya, Nordin memang suka berkhalay untuk mendibare dalam filem dan

untuk mencari pekerjaan. Pada masa itu, beliau bekerja sebagai kerani di pangkalan tentera udara Inggeris di Seletar, Singapura.

Ketika itu, pernah beliau menghantar surat kepada keluarganya meminta bantuan wang kerana menghadapi kesulitan hidup di kota itu, namun sebelum sempat keluarganya mengirimmkan wang kepadanya, satu surat lagi dihantar Nordin kepada keluarganya yang memaklumkan tidak perlu menghantar wang seperti diminta sebelumnya kerana dia baru saja ditawarkan menjadi pelakon filem. Peristiwa itu berlaku pada awal 1951, ketika berusia 19 tahun, apabila beliau diterima menjadi pelakon tambahan dengan watak sebagai Inspektor Polis menerusi filem *Juwita* arahan S Ramanathan, terbitan Studio Jalan Ampas.

P Ramlee dan Kasma Booty memegang watak utama dalam *Juwita*. Menerusi filem itu jugalah bermulanya perkenalan mesra antara Nordin dengan P Ramlee, apatah lagi mereka berasal dari negeri sama - Pulau Pinang - serasi berbual apabila bercakap dalam dialek orang Utara.

Nordin mendirikan rumah tangga dengan pelakon era

P Ramlee nasihat hijrah ke Cathay Keris

PADA 1952, Nordin Ahmad tidak menduga beliau ditawarkan watak hero dalam filem *Permata Di Perlombongan*, bergandingan dengan heroin filem Melayu yang sedang meningkat naik ketika itu, Maria Menado. Namun, filem arahan seniman Haji Mahadi itu gagal di pawagam.

Seterusnya, pada 1953, beliau ditawarkan beraksi dalam filem *Rayuan Sukma*, *Putus Harapan* dan *Ibu*, diikuti tiga filem lain pada 1954 - *Arjuna*, *Panggilan Pulau* dan *Perjodohan*, selain tiga lagi filem pada 1955 - *Kipas Hikmati*, *Abu Hassan Pencuri* dan *Jubah Hitam*, serta *Hang Tuah* (1956).

Lakonan Nordin mula tersejalah apabila P Ramlee mengajaknya berlakon dalam *Semerah Padi*, watak Taruna yang diciptanya untuk Nordin menerusi skrip karya Omar Rojik. Pernah diceritakan, P Ramlee yang bersimpati pada Nordin kerana namanya kurang menyerlah dalam filem lakonan beliau sebelumnya, berazam menaikkan populariti Nordin, maka Nordin turut terbabit dalam filem kedua arahan Seniman Agung itu. Terbukti, apabila

filem itu ditayangkan, dengan kekuatan karakter dan gaya Nordin untuk watak Taruna, *Semerah Padi* mencapai kutipan box-office.

Nordin sendiri pernah menngis dan mengakui terharu atas jasa P Ramlee yang menaikkan popularitinya menerusi *Semerah Padi*, sekali gus nama Nordin ketika itu cukup menyerlah sebagai bintang filem di Studio Jalan Ampas. Selepas kejayaan *Semerah Padi*, P Ramlee dikatakan pernah menasihati Nordin supaya berhijrah ke Studio Cathay Keris kerana di sana Nordin mampu lebih jauh menyinar dan mendapat peluang lakonan lebih meluas kerana saingan tidak kuat, berbanding persaingan sengit di Studio Jalan Ampas.

Nordin akur atas nasihat itu, lalu berhijrah dan mengikat kontrak dengan Cathay Keris. Bermulanya karier lakonan Nordin dengan studio yang menjadi saingan Malay Film Productions itu pada 1957 apabila beliau beraksi untuk filem *Serangan Orang Minyak*, *Mahsuri* dan *Nur Islam*. Nama Nordin terus menjadi bualan ramai peminat apabila aksinya

cukup memberi kesan dalam filem *Sultan Mahmud Mangkat Dijulang*, diikuti *Hang Jebat*, *Sri Mersing* dan *Siti Zubaidah* - semuanya diterbitkan pada 1961.

Ketika bersama Cathay Keris, Nordin berterusan mendapat kepercayaan pengurusan pihak studio apabila filem Melayu yang dibintanginya sering laris seperti *Dang Anum*, *Tun Fatimah* dan *Cucu Datuk Merah*. Seterusnya, lakonan Nordin boleh dilihat dalam filem *Gul Bakawali*, *Tajul Ashikin*, *Air Mata Duyung*, *Hutang Darah Dibayar Darah*, *Kalung Kenangan*, *Panglima Besi*, *Patung Cendana*, *Ikan Emas*, *Playboy*, *Sial Wanita*, *Gurindam Jiwa* dan *Jahanam*.

Berdasarkan rekod, ada sekitar 45 judul filem cereka lakonan Nordin, iaitu bermula filem pertamanya, *Juwita* pada 1951 manakala filem terakhir lakonannya ialah *Jahanam* (1970). Nordin juga pernah menjadi pengarah filem untuk sembilan judul iaitu *Wan Perkasa* pada 1964 terbitan Studio Cathay Keris, diikuti *Kasih Ibu* (1965), *Naga Tasik Chini* (1966), *Playboy* (1967), *Kekasih* (1968), *Si Murai* (1968), *Nafsu Belia* (1969) dan *Lubang Neraka* (1970).



Filem lakonan Nordin Ahmad

- Juwita (1951)
- Rayuan Sukma (1951)
- Derita (1951)
- Manusia (1951)
- Syurga Dunia (1951)
- Aladdin (1952)
- Permata Di Perlombongan (1952)
- Antara Senyum Dan Tangis (1952)
- Jiwa Lara (1952)

jadi hero dalam filem dan sering menggayakan lakonan di depan kawan-kawan sekampung dengan aksi ala Zorro mahupun Tarzan. Pada usia itu juga beliau suka bermain gasing.

Selepas zaman pendudukan tentera Jepun di Tanah Melayu, ketika usianya mencecah 16 tahun, Nordin mula merantau ke Singapura

1950-an, Salmeh Ibrahim yang berasal dari Padang, Sumatera. Salmeh juga adalah bekas pelakon filem Melayu klasik dan pernah beraksi dalam 12 filem termasuk *Sejoli*, *Takdir Illahi*, *Sedarah* dan *Juwita*, selain menjadi penari untuk babak filem. Allahyarham meninggalkan tiga anak iaitu Asmah, Tuah dan Asnor.

Lakonanya sebagai Damak dalam filem *Sri Mersing* di samping Mariani dan Mahmud June.

Nordin Ahmad berpasangan dengan Latifah Omar dalam filem *Patung Cendana* terbitan Cathay Keris pada 1965.



- Jiwa Lara (1952)
- Cemburu (1952)
- Ibu (1953)
- Panggilan Pulau (1954)
- Gelora Hidup (1954)
- Perjudohan (1954)
- Abu Hassan Pencuri (1955)
- Anakku Sazali (1956)
- Semerah Padi (1956)
- Belantara (1957)
- Mahsuri (1958)
- Serangan Orang Minyak (1958)
- Raden Mas (1959)
- Julia Bintang Tiga (1959)
- Noor Islam (1960)
- Yatim Mustaffa (1961)
- Sultan Mahmud Mangkat Dijulang (1961)
- Siti Zubaidah (1961)
- Hang Jebat (1961)
- Sri Mersing (1961)
- Lancang Kuning (1962)
- Tun Fatimah (1962)
- Dang Anum (1962)
- Laila Majnun (1962)
- Julia Bintang Tujuh (1962)
- Cucu Datuk Merah (1963)
- Gul Bakawali (1963)
- Tajul Asyikin (1963)
- Hutang Berdarah Dibayar Darah (1964)
- Panglima Besi (1964)
- Kalong Kenangan (1964)
- Ayer Mata Duyong (1964)
- Ikan Emas (1965)
- Patung Cendana (1965)
- Gurindam Jiwa (1966)
- Sial Wanita (1969)
- Jahanam (1970)